

**Jenis Akhbar** : Utusan Malaysia Online  
**Tarikh** : 05/09/2019  
**Edisi / Muka Surat** : [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)  
**Tajuk** : ICA-AP platform terbaik atasi masalah ekonomi

## ICA-AP platform terbaik atasi masalah ekonomi

05 September 2019 9:55 AM



KUALA LUMPUR 4 Sept. - Kerjasama Koperasi Ikatan Koperasi Antarabangsa -Rantau Asia Pasifik (ICA-AP) dilihat sebagai platform terbaik dalam mengatasi masalah ekonomi yang melanda di beberapa negara.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, antara strategi yang dilaksanakan ICA-AP adalah mengatasi masalah dalam mewujudkan budaya keusahawanan, mengatasi kemiskinan serta merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar. "Majoriti negara ahli mengiktiraf (ICA-AP) sebagai satu platform bagi membantu mengurangkan masalah di negara itu. Antara negara yang menyertainya adalah seperti India, Nepal, Sri Lanka dan China.

"Dalam konteks ini, Malaysia mengucapkan terima kasih kepada ICA-AP atas keputusan mengekalkan Pejabat Perniagaan Koperasi Rantau Asia Pasifik (MBO) di negara ini bagi lima tahun akan datang selepas mula bertapak sejak 2014," katanya. Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pembukaan Seminar ICA-AP di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Serantau ICA-AP, Balu Iyer dan Pengerusi Jawatankuasa Pengguna ICA-AP, Haruyoshi Amano. Seramai 70 peserta mewakili 10 negara menyertai seminar yang berlangsung selama dua hari itu.

Dalam pada itu, Abdul Fattah yang juga Presiden Koperasi Se-ASEAN (ACO) berkata, Angkasa akan menganjurkan Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (Maccops) pada 28 hingga 30 November depan di Johor Bahru.

Maccops yang memasuki edisi kali keempat itu bertujuan mempamerkan pelbagai produk dan perkhidmatan koperasi Malaysia untuk dilanggan oleh pengguna dari segenap lapisan masyarakat termasuk koperasi luar negara. "Sejak diperkenalkan pada 2014, karnival itu berjaya mencapai RM70 juta nilai dagangan koperasi dengan menarik seramai 35,000 pengunjung," jelasnya. -UTUSAN ONLINE